

UMP bantu guru taska tingkat kemahiran berbahasa Inggeris



Kuantan, 6 Mac- Seramai 30 peserta daripada Persatuan Pengasuh Negeri Pahang (PPNP) berpeluang mengikuti Kursus Komunikasi Bahasa Inggeris (Tahap Dua) yang berlangsung selama tiga hari di Dewan Tun Fatimah, Kompleks Pentadbiran Utama, Universiti Malaysia Pahang (UMP) di Gambang baru-baru ini.

Bertemakan "Keselamatan dan Kesihatan di Taska" kursus yang dijalankan menerusi Program Pemindahan Ilmu (KTP Kindy) ini memberi tumpuan terhadap keselamatan kanak-kanak di bawah jagaan mereka terutamanya membabitkan isu-isu keselamatan yang kerap kali terjadi pada masa kini yang semakin membimbangkan terutama ibu bapa kanak-kanak.

Program KTP Kindy mendapat geran dari Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) pada tahun lalu dijalankan pihak staf Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan (PBMSK) dengan diketuai oleh Dr Noor Raha Mohd Radzuan manakala mentor projek pula adalah Profesor Emeritus Dato' Aminah Ayob dari Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI).



Menurut Dr. Noor Raha, kursus pada kali ini adalah kesinambungan daripada program yang dijalankan pada tahap satu. Lebih menarik satu sesi latihan asas untuk mempertahankan diri telah diselitkan dalam jadual kursus tahap dua ini.

"Para peserta diberi ceramah mengenai teori dan kepentingan asas mempertahankan diri yang disampaikan Abdul Rahman Roseley dan peserta juga diberi ceramah berkenaan jenayah oleh Dr. Geshina Ayu Mat Saat yang merupakan pensyarah Sains Forensik dari Universiti Sains Malaysia (USM), Kubang Kerian, Kelantan," katanya.

Tambah beliau, ceramah yang disampaikan merangkumi pendedahan dari aspek pemerhatian, pengesanan, dan penelitian terhadap seseorang yang cenderung untuk mempunyai profil jenayah. Secara umumnya, para peserta boleh mengaplikasi aktiviti yang dilakukan semasa ceramah itu kepada anak-anak di tiska untuk mengenal pasti antara mereka yang mungkin akan melakukan salah laku kelak.



Lain-lain aktiviti yang dijalankan adalah penggunaan ayat arahan ketika di taska dan kepada anak-anak, cerita-cerita pengajaran yang berkonsepkan keselamatan dan penghasilan "big book" daripada setiap kumpulan.

Program turut menampilkan beberapa elemen baru kepada para peserta iaitu pemberian hadiah berupa buku kanak-kanak kepada setiap kumpulan selain ceramah yang selari dengan tema kursus. Hadiah-hadiah yang diberikan kepada setiap kumpulan meningkatkan lagi motivasi mereka untuk lebih berusaha sehingga berjaya menamatkan kursus kelak.

Ahli-ahli KTP Kindy terdiri daripada tenaga pengajar dari UMP iaitu Wan Jumani Fauzi, Dr. Fatimah Ali, Noor Azlinda Zainal Abidin, Haslinda Hashim, Dr. Anita Abdul Rani, Siti Airin Abd Ghani dan seorang pelatih siswazah, Mohd Asyraf Othman. Pengasuh taska yang terlibat dalam program juga merupakan ahli kepada Persatuan Pengasuh Negeri Pahang (PPNP) yang dinaungi oleh Presiden PPNP iaitu Zubaidah Husin.

Disediakan oleh Mohd Asyraf Othman, pelatih siswazah dari Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan dan suntingan Bahagian Komunikasi Korporat.

Posted By : NOR FADZILLAH BINTI ZULKIPLI Date Posted : 23-03-2016, 15:48:52